

## LEMBARAN PENJELASAN PRODUK

Sila baca Lembaran Penjelasan Produk sebelum membuat keputusan mengambil **SURAT KREDIT-i MURABAHAH**. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat-syarat umum di dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada MBSB Bank Berhad jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umum.

MBSB BANK BERHAD

SURAT KREDIT-i MURABAHAH (MLC-i)

TARIKH: 19 July 2018

### 1. Apakah produk ini?

- i. Surat Kredit-i *Murabahah* ("MLC-i") adalah aku janji bertulis juga dikenali sebagai Kredit Dokumen untuk memudahkan urus niaga perdagangan. Ia tidak boleh ditarik balik dan Bank Pengeluar perlu mematuhi pengaturan bergantung kepada arahan yang diberikan oleh pemohon LC.
- ii. Barangan / barang dagangan yang dibeli akan dijual kepada pelanggan pada harga kos tambah keuntungan untuk pembayaran tertunda.

### 2. Apakah Konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan adalah *Murabahah* di mana ia merujuk kepada penjualan barang pada harga yang termasuk kos dan keuntungan seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua penjual dan pembeli. Ini adalah satu kontrak di mana barangan itu diserahkan serta-merta dan harga yang dibayar sekaligus pada masa akan datang.

### 3. Apakah dokumen minimum yang diperlukan?

- i. Borang Permohonan Dokumentari Kredit yang lengkap dan ditandatangani
- ii. Surat hipotekasi yang ditandatangani
- iii. Nota Kontrak Dokumentari Kredit Murabahah yang ditandatangani
- iv. Bil Pertukaran atau Draf Bill Penerimaan yang ditandatangani
- v. Tawaran Jualan
- vi. Penerimaan Tawaran Jualan

### 4. Bagaimanakah produk ini beroperasi?

1.	Bank mengeluarkan MLC-i atas permohonan Pemohon / Pembeli untuk Benefisiari / Penjual.
2.	Setelah mematuhi syarat pembayaran terhadap MLC-i oleh Benefisiari / Penjual, pihak bank akan mengambil langkah untuk membayar mengikut terma-terma dan syarat-syarat MLC-i.
3.	Pihak Bank kemudiannya akan menjual barangan tersebut kepada Pemohon / Pembeli pada tempoh bayaran tertunda.
4.	Bayaran kepada benefisiari / penjual adalah berdasarkan dokumen dan tidak ke atas barangan atau perkhidmatan yang boleh dirujuk olehnya.
5.	MLC-i ditadbir oleh Kastam dan Amalan Seragam untuk Dokumentari Kredit (UCP) yang diterbitkan oleh Dewan Perniagaan Antarabangsa (ICC)

**5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?**

IMPORT LC (LC Keluar)		EKSPORT LC (LC Masuk)	
<b>Pengisuan</b>	0.1% sebulan ATAU Minimum – RM300 **	<b>Nasihat Kredit</b>	Minimum - RM30 *
<b>Pindaan</b>	0.1% sebulan ATAU Minimum – RM150 **	<b>Pemindahan</b>	Minimum - RM500 *
<b>Pembatalan</b>	Kadar Rata – RM100 **	<b>Pengesahan</b>	Minimum - RM150 *

\*\* Caj Pos sebanyak RM60

\* Caj Pos sebanyak RM15

**6. Apakah yang perlu saya lakukan jika maklumat hubungan saya berubah?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda bagi memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, anda boleh memaklumkan kepada kami secara bertulis atau menghubungi kami melalui salah satu saluran berikut:

1. Sila lawati Cawangan Utama anda.
2. Sila hubungi Pusat Talian kami di 03-2096 3000

**7. Di manakah saya boleh menerima bantuan dan tebus rugi?**

Sekiranya anda menghadapi sebarang masalah dalam memenuhi tanggungjawab anda, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran. Ini adalah untuk mengelakkan apa-apa tindakan undang-undang terhadap anda sekiranya anda tidak boleh membayar bil anda.

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

**Pengurusan Perhubungan Pelanggan**

Tingkat 7, Wisma MBSB,  
48, Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur  
Telefon : 03 - 2096 3000  
E-mel: [enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com)

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak bank, anda boleh menghubungi

**Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK**

Blok D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Telefon: 1-300-88-5465  
Faks: +603-21741515  
E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila layari laman web kami di [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com) atau hubungi Pengurus Perhubungan anda.

**9. Servis perdagangan lain yang tersedia:-**

- i. Resit Amanah-i
- ii. Jaminan Bank-i
- iii. Surat Kredit-i *Wakalah*
- iv. Pembiayaan Modal Kerja –i *Tawarruq*

**NOTA PENTING :**  
**TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN ATAS KEMUDAHAN INI**

**Maklumat yang disediakan dalam lembaran penjelasan ini adalah sah pada: 19 July 2018**